




Prof Madya Dr Haji Baharuddin kaya pengalaman




PROF MADYA DR HAJI BAHARUDIN HAJI MOHD ARUS dilahirkan di Teluk Panglima Garang pada tahun 1951. Beliau mendapat pendidikan di English School Teluk Datok Banting hingga tingkatan 5. Beliau pernah menjadi anggota polis sebelum memasuki Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK) dari tahun 1972 hingga 1974. Beliau mendapat Ijazah Bachelor of Fine Arts dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1984 hingga 1988, Master of Arts dari University of Tulsa Oklahoma USA pada 1990 hingga 1991, Master of Fine Arts-Sculpture juga dari University of Tulsa Oklahoma USA pada tahun 1991 hingga 1993.

Beliau pernah bertugas di Sekolah Menengah Sains, Kelantan Malaysia (1974-1977), Sekolah Menengah Sungai Pari Ipoh Perak (1977-1980), Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad Selangor (1980-1985), Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang (1985-1989) University of Tulsa Oklahoma USA dari tahun 1989-1993, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang (1993-2000), Universiti Brunei Darussalam (2000-2013) dan kini bertugas sebagai Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Inovasi dan Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS).



ALAM yang begitu indah, kepelbagaian flora dan fauna, khazanah dasar laut yang kaya, semua ini boleh menjadi modal pelukis untuk melahirkan karya-karya yang berkualiti dan mampu diketengahkan bukan saja di peringkat nasional malah hingga ke peringkat antarabangsa," kata **PROFESOR MADYA DR HAJI BAHARUDIN HAJI MOHD ARUS**. "Saya yakin dunia seni lukis di Sabah boleh berkembang. Sabah memiliki banyak potensi yang tidak dimiliki negeri lain," kata tokoh pensyarah seni lukis yang tidak asing lagi di negara ini. **Wartawan UTUSAN BORNEO, ABD. NADDIN HJ SHAIDDIN** berpeluang menemubual untuk menggali sedikit pengalaman hidupnya. Ikuti petikan temubual bersama beliau.



SEMBANG SABTU



UTUSAN BORNEO (UB): Boleh ceritakan sedikit latar belakang prof? **PROF MADYA DR HAJI BAHARUDIN (PROF):** Saya lahir di Teluk Panglima Garang Kelang pada tahun 1951. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Inggeris Tok Datok Banting, satu-satunya sekolah yang terdapat di daerah itu. Saya adalah seorang pelajar terbaik pada masa itu. Selain itu, di sekolah saya jadi Timbalan Ketua Murid.

UB: Sekolah dimana selepas itu? **PROF:** Walaupun saya mendapat tawaran daripada Institut Teknologi Mara (ITM) tetapi saya tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti. Sebaliknya saya terpaksa berkerja.

UB: Kerja sebagai apa? **PROF:** Saya mula jadi polis. Saya anak sulung dari 12 adik beradik. Adik beradik ramai. Siapa yang nak tanggung. Ayah tak ada kerja tetap. Walaupun saya dapat tawaran ITM tapi saya tak mampu melanjutkan pelajaran. Saya kerja membantu orang tua. Itulah sebabnya saya mohon jadi polis. Saya diterima sebagai konstable. Saya kerja sebagai polis kira-kira tiga tahun. Kemudian saya berhenti kerana dapat tawaran dari Maktab Perguruan Ilmu Khas Kuala Lumpur. Sewaktu di maktab dari tahun 1973-1975, saya jadi ketua pelajar. Saya menjadi Yang Di Petua Pelajar tahun 1974. Selepas itu saya bertugas di Sekolah Menengah Sains Kelantan dari tahun 1974 hingga 1977.

UB: Lepas itu bertugas dimana? **PROF:** Saya ditugaskan mengajar ke Sekolah Menengah Sungai Pari Ipoh Perak dari tahun 1977 hingga 1980. Sewaktu bertugas di Ipoh, siang saya mengajar. Sebelah malamnya saya berniaga kaset. Saya sewa kesai RM18 sebulan di Medan Kidd.

UB: Prof buka kedai muzik? **PROF:** Saya memang suka muzik. Itulah sebabnya

saya rebut peluang menjual kaset.

UB: Kaset apa yang laku? **PROF:** Kebanyakan kaset yang laku ialah kasut lagu-lagu India. Antara pelanggan-pelanggan saya adalah pekerja-pekerja estet. Sebab itu, mereka beli kaset lagu-lagu India.

UB: Lepas itu, prof bertugas dimana? **PROF:** Selepas saya bertugas di Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad Selangor dari tahun 1980-1985. Kemudian saya bertugas di beberapa IPT termasuk Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dari tahun 1993-2000. Tahun berikutnya saya bertugas di Universiti Brunei Darussalam (UBD) dari tahun 2000 hingga 2013. Tahun lalu saya berkhidmat sebagai pensyarah dan kini bertugas sebagai Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Inovasi dan Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS).

UB: Sejak bila pula timbul minat melukis? **PROF:** Minat melukis timbul sejak sekolah di Banting. Kemudian ketika menghadiri kursus khas seni lukis di MPIK, saya dapat memupuk bakat

dalam seni lukis. Sebelum ini tidak nampak. Saya terus mengasah bakat saya.

UB: Kursusnya di MPIK juga? **PROF:** Saya masuk MPIK dua kali iaitu ketika menjadi guru pelatih dan kali kedua ketika menghadiri kursus khas seni lukis.

UB: Dimana prof dapat meningkatkan lagi penguasaan dalam seni lukis? **PROF:** Saya dapat meningkatkan lagi bakat seni lukis ialah ketika saya di Universiti Sains Malaysia (USM). Saya berpeluang bercampur dengan penggiat seni lukis. Datuk Syed Ahmad Jamal, Yeoh Jin Ling, Piyadasa. Ismail Hashim terkenal dengan grafik.

Sebelum itu, lupa nak cerita, sewaktu saya berkhidmat sebagai anggota polis, pada tiap-tiap hujung minggu saya giat belajar melukis di Kuala Lumpur. Saya naik bas atau motor untuk belajar seni lukis daripada tokoh-tokoh seperti Hossein Enas, MI I Zain, Mazli Sham, Hassan Pendek, dan banyak lagi sehingga menjadikan karya saya lebih matang.

UB: Lepas itu? **PROF:** Apabila saya jadi pelajar terbaik Selangor di USM pada 1999, saya dihantar belajar di University of Tulsa Oklahoma. Di sana saya dapat Master of Arts dan Master of Fine Arts. Selepas itu, saya belajar sambung PhD secara separuh masa, sambil bekerja sambil belajar.

UB: Khabarnya Prof pernah bertugas di Brunei? **PROF:** Ya. Saya bertugas di Universiti Brunei Darussalam dari tahun 2000 hingga 2013. Di UBD, saya mengajar Pendidikan Seni Lukis. Pada tahun 2009, saya jadi ketua program dan diamanahkan untuk menggubal dan menubuhkan Art and Creative Technology. Ia adalah satu program yang baru diperkenalkan. Pertama kali menubuhkan satu bidang program pengajian dalam seni halus. Saya bertugas sebagai ketua program hingga 2011. Selepas itu, saya menjadi pensyarah biasa mengajar pendidikan seni halus hingga 2013.

UB: Kemudian selepas 2013, prof mengajar dimana?

PROF: Saya tamat kontrak di UBD dan tidak menyambung perkhidmatan lagi. Saya pulang kampung untuk berkhidmat pula untuk anak watan. Tahun lalu, saya dipanggil untuk membantu UMS hinggalah sekarang dan diamanahkan pula sebagai Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar, Inovasi dan Pasca Siswazah.

UB: Sebelum ini pernah datang Sabah? **PROF:** Pernah. Dulu datang untuk temuduga pelajar Sabah yang ambil pengajian dalam bidang seni halus di USM. Saya membuat temuduga di kalangan guru. Antara pendidik tempatan yang pernah saya temuduga ialah Abar Mukim, Dr Humin Jusilin, Azizi dan ramai lagi.

UB: Bagaimana pandangan prof terhadap seni lukis Sabah? **PROF:** Saya melihat Sabah memiliki ramai pelukis yang berpotensi. Kita lihat pelukis Sabah yang berkarya di luar Sabah seperti Awang Damit, Bayu Utomo Rajikin lebih melonjak kerana banyak bergaul dengan pelukis luar negara dan banyak mendapat pendedahan

antarabangsa. Penulis yang berkarya di negeri ini, saya lihat masih banyak bertumpu kepada aliran realisme dan naturalisme. Realisme seperti kita lihat pokok, kita lukis pokok, betul-betul seperti pokok. Itu yang dinamakan realisme. Tapi banyak yang menarik dalam seni lukis Sabah seperti yang dibuat oleh Bayu Utomo dan Awang Damit. Datuk Yaman juga diakhir pengkaryannya mencuba untuk *optical art*, indah dalam bentuk warna. Di Sabah sekarang aliran yang banyak peminat ialah *naive art*.

UB: Mengapa seni lukis di Indonesia kelihatan lebih maju berbanding kita? **PROF:** Di Indonesia lebih terbuka. Aspek pengkaryaan mereka bebas berekspresi, tak ada halangan atau kendala. Mereka melukis sebagai

sebahagian daripada kehidupan mereka, sebahagian daripada kepercayaan mereka seperti di Bali. Di negara kita, kita masih terikat dengan nilai-nilai ketimuran. Jika dibandingkan dengan negara lain, kita masih ketinggalan.

UB: Bagaimana prof melihat potensi Sabah dalam seni lukis? **PROF:** Alam yang begitu indah, kepelbagaian flora dan fauna, khazanah dasar laut yang kaya, semua ini boleh menjadi modal pelukis untuk melahirkan karya-karya yang berkualiti dan mampu diketengahkan bukan saja di peringkat nasional malah hingga ke peringkat antarabangsa. Saya yakin dunia seni lukis di Sabah boleh berkembang. Sabah memiliki banyak potensi yang tidak dimiliki negeri lain.